

USIM, Mas Awana meterai memorandum persefahaman

SEREMBAN 6 Mei - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meningkatkan hubungan strategik dalam kalangan industri melalui memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai bersama Mas Awana Services Sdn. Bhd. di Bandar Baru Salak Tinggi Business Park, Nilai dekat sini semalam.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, hubungan baik yang dihasilkan menerusi MoU itu antara lain untuk melihat aspek industri makanan halal dan pasaran bagi produk halal, yang ketika ini semakin berkembang pesat.

"Kita lihat kemampuannya menjaga pulangan mencecah bilion ringgit selari dengan keprihatinan dan kepekaan masyarakat berkaitan halal yang semakin tinggi.

"Kerjasama ini dikembangkan lagi melalui penglibatan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (Ihram), yang merupakan pusat kecemerlangan penyelidikan yang ditubuhkan khas oleh USIM. .



ASMA Ismail (enam dari kiri) bersama Mohammad Shafi'an Kamal Ghazali (tujuh dari kiri) bersama pegawai USIM dan Mas Awana selepas majlis menandatangani MoU di Bandar Baru Salak Tinggi Business Park, Nilai dekat Seremban, kelmarin.

"Pusat ini diwujudkan untuk meningkatkan strategi, pembangunan profesional, penyelidikan dan perkhidmatan terutamanya dalam aspek halal," katanya dalam ucapan pada majlis

itu yang berlangsung semalam.

Menurut Asma, industri halal ini tidak boleh hanya diterajui oleh organisasi tertentu sahaja dan USIM amat serius untuk bersama-sama

membangunkan perkara ini.

"Baru-baru ini juga kita telah mengadakan MoU bersama pihak yang berkaitan dengan industri halal seperti Halal Development Cor-

poration (HDC) dan TPM Biotech Sdh. Bhd.," kata beliau.

Sementara itu, Pengurus Besar Mas Awana Services Sdn. Bhd., Mohammad Shafi'an Kamal Ghazali

berkata, syarikat ini telah ditubuhkan pada 1996 merupakan salah sebuah anak syarikat di bawah Malaysia Airlines yang pakar dalam penyediaan dan pengendalian makanan dan minuman untuk pelbagai jenis majlis.

Selain kepakaran dalam bidang servis kulineri katanya lagi, syarikat ini juga telah mendapat piawaian halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan HDC serta mematuhi standard keselamatan dan kesihatan makanan antarabangsa iaitu Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP).

"Antara bidang dan skop kerjasama yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak melalui MoU ini adalah program latihan bersama melibatkan kakitangan dan pelajar, penerokaan projek penyelidikan dan pembangunan khususnya berkaitan makanan dan perkongsian kepakaran akademik," katanya.

Memorandum persefahaman itu ditandatangani oleh Asma yang mewakili USIM dan Mohammad Shafi'an mewakili Mas Awana Services Sdn. Bhd.